

**SPRM Mencari 10 Saksi Membantu Pendakwaan, Siastan Tujuh Kes Di Selangor
Bernama
27 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mengesan 10 orang saksi, termasuk seorang warga Nigeria untuk membantu pendakwaan dan siasatan tujuh kes di Selangor.

Lima daripada mereka dicari untuk hadir memberi keterangan di SPRM Selangor dengan kadar segera dalam membantu menyelesaikan dan melengkapkan siasatan suruhanjaya itu, demikian menurut kenyataan SPRM di sini pada Jumaat.

Mereka terdiri daripada:

- Sutagaran a/l Balakrishnan, 32, beralamat terakhir di No.22, Jalan 7, Taman Damai, Jalan Morib, Banting. (Hubungi pegawai penyiasat SPRM Penolong Penguasa (PPs) Mohd Alimi Mustpha di nombor telefon 03-55197370 atau 012-2184133 untuk menyalurkan maklumat)

- Musyadi Mustafa Kamal, 31, alamat terakhir di No.4A, Blok 20 Flat PKNS, Seksyen 16 Shah Alam, Selangor ' (Hubungi pegawai penyiasat PPs Zurinawati Zulkifli di talian telefon 03-55197370)

- Lew Ngit Keong, 41, yang beralamat di Lot 36-41, Jalan Pudu, Kuala Lumpur. (Hubungi pegawai penyiasat Penolong Kanan Penguasa (PKPs) Rosfiza Hashim di talian 03-55197370 atau 013-2744818.

- Juraimi Mohamed Jagubar, 30, alamat terakhir di Taman Bandar Baru, Sungai Lalang, Bedong, Kedah. (Hubungi pegawai penyiasat PPs R Lakshumana Rao di talian 03-55197370 atau 014-9551714).

- Faziah Md Ali, 48, beralamt di No.7, Jalan USJ 4/9A UEP, Subang Jaya. (Hubungi pegawai penyiasat Penguasa Mohd Raylan Mohd Isa di talian 03-55197370).

Sementara lima lagi saksi untuk kes pendakwaan yang sedang di jalankan oleh SPRM Selangor terdiri daripada:

- Lee Thian Chai, 52, yang beralamat di No.9, Jalan Petani Off Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor, Lee Choon Sen, 24, dengan alamat terakhir di 1st Lorong Mohd Tahir 9A, Taman Sri Mewah 4, 41200 Klang dan Tan Meng Yong, 23, yang beralamat di No.30, Ground Floor Jalan 6, Kampung Baru, 43200 Batu 9, Cheras. (Hubungi PsK Azian Umar di talian 03-55197370.

- Warga Nigeria Hellary Chinedu NNebeolisa , 25, alamat terakhir di No.12, Jalan 3C USJ Subang Jaya dan Mohammed Sharif bin Ali, 33, alamat terakhir di No.21, Jalan Mentari 1A/10 Taman Mentari, Bandar Mahkota, Banting, Selangor. (Hubungi pegawai penyiasat PPs Nelmy Amrizal di talian 03-55197370 atau 012-6608336)

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683754>

